

ISU SELENGGARA POKOK

DBKL sedia 4 kontraktor

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan menyediakan empat kontraktor bagi setiap kawasan Parlimen untuk kerja-kerja penyelenggaraan pokok di Kuala Lumpur.

Perkara itu dikongsikan Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil dalam hantaran di laman X hari ini, selepas pertemuan bersama Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Kamarulzaman Mat Salleh.

“Selepas melawat warga Lembah Pantai yang terjejas akibat ribut baru-baru ini, saya bertemu Datuk Kamarulzaman Mat

Salleh di Menara DBKL.

“Kami bincang isu perubahan iklim dan peranan Jabatan Pembangunan Landskap Dan Rekreasi DBKL dalam memastikan penyelenggaraan pokok di Kuala Lumpur dapat dilaksanakan dengan baik,” katanya.

Fahmi yang juga Ahli Parlimen Lembah Pantai berkata DBKL juga berhasrat untuk menyahut seruan Perdana Menteri untuk menanam 100 pokok bagi setiap pokok yang ditebang, selaras dengan usaha untuk menghidupkan bandaraya dan Malaysia secara amnya.